

## **PENDEKATAN *KHIYAR* DALAM PEMBELIAN ATAS TALIAN (ONLINE SHOPPING): ANALISA KRITIKAL**

Nor Izham Bin Subri  
Fakulti Perniagaan Dan Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis,  
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.  
E-Mail: izham@kuips.edu.my

Izwan Nurli Bin Mat Bistamam  
Fakulti Perniagaan Dan Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis,  
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.  
E-Mail: izwan@kuips.edu.my

Mohd Zaki Bin Shahabuddin  
Fakulti Perniagaan Dan Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis,  
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.  
E-Mail: mzaki@kuips.edu.my

Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy W. M.  
Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis,  
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.  
E-Mail: dhaiyudeen@kuips.edu.my

Rozana Binti Mohd Jamil  
Fakulti Perniagaan Dan Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis,  
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.  
E-Mail: rozanajamil@kuips.edu.my

### **ABSTRAK**

Pendamik Covid-19 merupakan satu tamparan hebat kepada masyarakat dunia. Namun, setiap musibah ada hikmahnya. Hikmah yang dapat diperolehi dari pendamik ini adalah peningkatan penggunaan aplikasi atas talian, secara khususnya di Malaysia. Peningkatan ini adalah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada bulan Mac 2020 yang lalu. Norma baharu ini akan terus seiring di dalam kehidupan seharian kita, maka kita perlu mengadaptasi kehidupan kita dengan gaya hidup bersama Covid-19 di mana kontak fizikal diminimakan dan mengoptimalkan penggunaan secara atas talian. Salah satu daripada penggunaan aplikasi atas talian tersebut adalah penggunaan aplikasi pembelian atas talian (online shopping). Walau bagaimanapun, kepesatan penggunaan aplikasi tersebut terdapat jua isu-isu yang melibatkan transaksi muamalat. Kajian ini menganalisa beberapa aplikasi pembelian atas talian (online shopping) menurut pendekatan khiyar dari segi implementasi dan impak kepada pengguna. Metodologi kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah perpustakaan yang mana penyelidik-penyelidik melakukan analisa kandungan berdasarkan kertas-kertas kajian terdahulu dan melihat dimana ketersamaan implimentasi pendekatan khiyar dalam aplikasi tersebut secara praktisnya. Justeru, kajian ini

diharapkan dapat memberi pemahaman kepada masyarakat tentang pendekatan khiyar dalam pembelian atas talian (online shopping).

**Kata Kunci:** Khiyar, Online Shopping, Pembelian Atas Talian

## **PENGENALAN**

Kepesatan pengguna aplikasi pembelian atas talian (online shopping) merupakan satu impak positif kepada aktiviti muamalat. Ibadah dan Muamalat merupakan dua bidang yang tidak asing lagi bagi manusia. Bidang muamalat adalah bidang yang telah lama wujud sejak dari zaman dahulu lagi. Namun, dengan terjadinya pandemik Covid-19, masyarakat dunia terpaksa mengadaptasikan kehidupan dengan era digital. Dimana aktiviti muamalat dilakukan secara atas talian. Gaya hidup ini telah menjadi satu norma baru bagi masyarakat dunia. Justeru, dapat dikaitkan jua Covid-19 sebagai pemangkin kepesatan pengguna aplikasi atas talian.

Didalam muamalat terdapat perlbagai komponen, kaedah, dan pendekatan yang diambil berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Antara pendekatan yang terdapat dalam muamalat adalah pendekatan *Khiyar*. Pendekatan *khiyar* ini merupakan pendekatan yang boleh dijadikan garis panduan dalam aktiviti jual beli. Terdapat empat jenis *Khiyar* iaitu *Khiyar Majlis*, *Khiyar Syarat*, *Khiyar Aib*, & *Khiyar Ruqyah*.

Kertas kajian ini memfokuskan aplikasi pembelian atas talian (Online Shopping) dengan pendekatan *Khiyar* yang dinyatakan diatas supaya dapat memperlihatkan impak pendekatan tersebut dan nilai positif yang boleh diterapkan dalam aktiviti jual beli.

## **E-Dagang di Malaysia**

Pembelian atas talian (online shopping) merupakan sebahagian elemen industri E-Dagang (E-commerce) melibatkan urus niaga jual-beli runcit dan komersil dilakukan secara elektronik berplatformkan teknologi Internet. Industri E-Dagang merupakan industri yang paling pesat berkembang di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. <sup>1</sup>Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengunjurkan transaksi E-Dagang di Malaysia mencatatkan pendapatan mencecah RM 450 bilion pada tahun 2017 dan jumlah ini diunjurkan terus meningkat sebanyak 6% setahun untuk tahun-tahun mendatang.

---

<sup>1</sup> Hasnah Mat, & Mazreha Ya'akub (2019). E-commerce: The Contribution to Malaysia's Economy. Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7\\_Publication/Technical\\_Paper/Paper\\_APES/2019/2.%20E-Commerce%20The%20Contribution%20To%20The%20Malaysia's%20Economy.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Technical_Paper/Paper_APES/2019/2.%20E-Commerce%20The%20Contribution%20To%20The%20Malaysia's%20Economy.pdf)

Urusan jual beli atas talian menjadi platform baru yang penting dalam perniagaan di Malaysia samada perniagaan bersifat runcit atau yang memberi perkhidmatan komersil. Dalam suasana dimana faktor-faktor luaran dan dalaman yang tidak dijangka boleh berlaku dalam perniagaan yang akan memberi kesan seperti perniagaan merosot dan permintaan terhadap sesuatu produk yang ditawarkan merudum. Sebagai contoh, ketika wabak Covid-19 melanda seluruh dunia dan Malaysia terpaksa menghadapi perintah kawalan pergerakan Malaysia (MCO), banyak perniagaan terutamanya perniagaan konvensional (brick and mortar) terkesan akibat tidak dibenarkan beroperasi seperti biasa.


<sup>2</sup>Di Malaysia, pemain utama sektor E-Dagang boleh dibahagikan kepada dua iaitu sektor kerajaan dan swasta. Pihak kerajaan melalui agensinya Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah mempergiatkan usaha untuk meningkatkan kadar celik teknologi dikalangan peniaga kecil dan sederhana dalam mengembangkan perniagaan di atas talian, sekaligus dapat menembusi pasaran global dan sejagat. MDEC mensasarkan pada tahun 2025, industri E-Dagang di Malaysia bakal memerlukan lebih dari satu juta pekerja mahir digital merangkumi juruanalisis, jurutera perisian, dan pakar pembangunan aplikasi. Pihak kerajaan juga melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memperuntukkan sejumlah RM 1 bilion untuk meningkatkan infrastruktur komunikasi dan kemudahan jalur lebar diseluruh negara. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk mewujudkan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) di Aeropolis, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai gerbang E-Dagang serantau di Malaysia.

<sup>3</sup>Terdapat beberapa pemain utama E-Dagang swasta di Malaysia yang tumpuan khususnya menyediakan urusan jual beli runcit secara atas talian. Antaranya ialah Shopee, Lazada, Lelong, Zalora, GoShop, PG Mall, eBay, Ezbuy, Hermo dan Sephora yang merupakan pemberi perhidmatan atas talian terbesar dari segi pemegang bahagian pasaran terbesar di Malaysia. Carta 1 dibawah menyenaraikan 10 pemberi khidmat E-Dagang terbesar di Malaysia berdasarkan hasil jualan pada suku keempat tahun 2019.

---

<sup>2</sup> Jeremy Chew (2017). 5 Initiatives by The Malaysia Government That is Spurring The Growth of E-Commerce. Google (E27). Retrieved from <https://e27.co/5-initiatives-malaysia-government-help-spur-growth-e-commerce-20171031>

<sup>3</sup> J. Muller (2020). Top 10 e-commerce sites in Malaysia as of 4th quarter 2019. Google (Statista). Retrieved from <https://www.statista.com/statistics/869640/malaysia-top-10-e-commerce-sites>



Carta 3: Hasil jualan atas talian bagi 10 laman web e-dagang teratas di Malaysia pada suku ke-4 2019

## Khayar

*Khayar* dalam perspektif Islam menjelaskan bahawa kejujuran dalam berdagang haruslah berpandukan kepada sumber dari ajaran Islam iaitu Al-Quran dan Hadis. Oleh itu, sistem nilai-nilai Islam perlu diberi penerapan khususnya perilaku semasa perdagangan yang merupakan masalah utama yang harus diberi perhatian.<sup>4</sup> Dari perspektif Islam tersebut, perdagangan ternyata memiliki dua dimensi, iaitu dimensi duniawi dan dimensi ukhrawi. Perdagangan yang dijalankan berlandaskan nilai-nilai Islam difahami sebagai yang berdimensi ukhrawi, dan demikian sebaliknya berdimensi duniawi iaitu apabila suatu aktivitas perdagangan terlepas dari nilai-nilai Islam yang dimaksud.

Nabi Muhammad SAW diutus, sedang waktu itu bangsa Arab memiliki aneka macam perdagangan dan pertukaran. Oleh karena itu, sebahagian yang mereka lakukan dibenarkan oleh Nabi selagi tidak bertentangan dengan syariat yang dibawanya. Sedang sebahagian yang lain dilarang kerana tidak sesuai dengan tujuan dan jiwa syariat. Prinsip-prinsip yang berlandaskan pada nilai-nilai Islam perlu diterapkan bagi mengaplikasikan nilai-nilai positif dan menghindarkan diri dari perbuatan-perbuatan yang negatif dalam perdagangan, khususnya dalam perdagangan moden pada masa ini yang penuh dengan penipuan. Hak *khayar* antara penjual dan pembeli supaya dari pihak pembeli tidak merasa rugi atau tertipu dari jual beli yang telah dilakukan ketika terdapat cacat atau rosak pada barang yang telah dibeli

<sup>4</sup> Hasanah, D., Kosim, M., & Arif, S. (2019). Konsep Khayar pada Jual Beli Pre Order Online Shop dalam Perspektif Hukum Islam. *IQTISHODUNA: Jurnal Ekonomi Islam*, 8(2), 249-260.

*Khiyar* dalam erti bahasa berasal dari akar kata: *khara-yakhiru- khairan-wa khiyaratan yang sinonimnya “memberikan kepadanya sesuatu yang lebih baik baginya”*.

Menurut istilah kalangan ulama fekah iaitu mencari yang baik dari dua urusan baik berupa meneruskan akad atau membatalkannya. Sayyid Sabiq memberikan definisi *khiyar* sebagai berikut “*khiyar adalah menuntut yang terbaik dari dua perkara, berupa meneruskan (akad jual beli) atau membatalkannya.*”

<sup>5</sup>*Khiyar* itu dimaksudkan untuk menjamin adanya kebebasan berfikir antara pembeli dan penjual atau salah seorang yang memerlukan *khiyar*. Sebaliknya, dengan system *khiyar* ini kadang-kadang menimbulkan penyesalan kepada salah seorang dari pembeli atau penjual. Contohnya, seorang penjual berasa tidak senang hati apabila barangnya dikembalikan sesudah jual beli dan wangnya dikembalikan sesudah akad jual beli. Oleh hal yang sedemikian, untuk menetapkan samada sah atau tidak perlu ikrar dari kedua-dua belah pihak atau salah satu pihak yang diterima oleh pihak lain atau kedua-dua pihaknya jika mereka saling menghendaknya.

<sup>6</sup>Dari definisi yang telah dikemukakan di atas dapat dirumuskan bahawa *khiyar* adalah pilihan untuk melanjutkan jual beli atau membatalkannya, karena terdapat cacat terhadap barang yang dijual, atau ada perjanjian pada waktu akad, atau karena sebab yang lain. Tujuan diadakan *khiyar* tersebut adalah untuk mewujudkan kemaslahatan bagi kedua-dua belah pihak sehingga tidak ada rasa menyesal setelah akad selesai, karena mereka sama-sama rela atau setuju.

Takrifan ini menunjukkan bahawa dari sudut pandangan syarak, menjaga perkara-perkara masalah di kalangan manusia dengan mengambil kira kelakuan manusia yang kadang-kadang bersikap gopoh dan tidak teliti dalam mengambil keputusan. Oleh itu, suatu jual beli yang sah tidak semestinya berdasarkan hanya apabila rukun dan syaratnya dipenuhi. Sebaliknya kedua-dua pihak yang berakad berhak sama ada untuk meneruskan atau membatalkan akad yang telah dipersetujui.

---

<sup>5</sup> Khulwah, J. (2019). JUAL BELI DROPSHIP DALAM PRESPEKTIF HUKUM ISLAM. *Al-Mashlahah Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 7(01), 101-115.

<sup>6</sup> Kurniawanto, Eko & Rachim, Abd (2019). Judul Penelitian Hukum Jual Beli Khiyar dalam Islam. *Jurnal Ekonomika: Manajemen, Akuntansi, dan Perbankan Syariah*. 8.37. 10.24903/je.v8i2.764

## Hukum Khiyar

<sup>7</sup>Berdasarkan prinsip wajib menegakkan kejujuran dan kebenaran dalam perdagangan, maka haram bagi penjual menyembunyikan kecacatan barang. Apabila barang yang dijual itu terdapat kecacatan yang diketahui oleh pemilik barang (penjual), maka wajiblah dia menerangkan hal itu dan tidak boleh menyembunyikannya. Sebaliknya, dengan menyembunyikan kecacatan barang dengan sengaja boleh dianggap penipuan dan kecurangan.

*Khiyar* hukumnya boleh berdasarkan sunnah Rasulullah saw. Diantara sunnah tersebut adalah hadis yang diriwayatkan oleh Al- Bukhari dari Abdullah bin Al-Harits:

Artinya: *Dari Abdullah bin al-harits ia berkata: saya mendengar Hakim bin Hizam r.a dari Nabi saw beliau bersabda: “penjual dan pembeli boleh melakukan khiyar selama mereka berdua belum berpisah. Apabila mereka berdua benar dan jelas, maka mereka berdua diberi keberkahan didalam jual beli mereka, dan apabila mereka berdua berbohong dan merahasiakan, maka dihapuslah keberkahan jual beli mereka berdua.* (HR. Al-Bukhari).

Dari hadis tersebut jelaslah bahwa *khiyar* dalam akad jual beli hukumnya dibolehkan. Apalagi jika dalam barang yang dibeli terdapat cacat (*aib*) yang boleh merugikan kepada pihak pembeli. Hak *khiyar* ditetapkan oleh syariat Islam bagi orang-orang yang melakukan transaksi agar tidak rugi dalam transaksi yang mereka lakukan, sehingga kemaslahatan yang dituju dalam suatu transaksi tercapai dengan sebaik-baiknya. Status *khiyar*, menurut ulama fekah adalah disyariatkan atau dibolehkan kerana kedua-dua belah pihak yang melakukan transaksi tidak merasa tertipu.

## Jenis-Jenis Khiyar

Salah satu prinsip dalam jual beli menurut syariat Islam adalah adanya hak kedua belah pihak yang melakukan transaksi untuk meneruskan atau membatalkan transaksi. Hak tersebut dinamakan *khiyar*. Hikmahnya adalah untuk kemaslahatan bagi pihak-pihak yang melakukan transaksi itu sendiri, memelihara kerukunan, hubungan baik serta menjalinkan kasih sayang di antara sesama manusia. Adakalanya seseorang sudah terlanjur membeli barang, sekiranya hak *khiyar* ini tidak ada, maka ini akan menimbulkan penyesalan salah satu pihak dan dapat menjurus pada kemarahan, dengki, dendam dan persengketaan serta perbuatan buruk lainnya yang dilarang oleh agama.

---

<sup>7</sup> Muthiah, Aulia (2018). Perlindungan Konsumen Terhadap Produk Cacat Dalam Perspektif Fiqih Jual Beli. Syariah: Jurnal Hukum dan Pemikiran 18(2), 211-232

## Khiyar Majlis

<sup>8</sup>Yang dimaksud dengan *khiyar* majlis adalah hak pilih bagi penjual dan pembeli untuk meneruskan atau membatalkan transaksi, selama kedua belah pihak masih berada dalam majlis akad dan belum berpisah badan. Artinya, suatu transaksi baru dianggap sah apabila kedua belah pihak yang melaksanakan akad telah berpisah badan atau salah seorang diantara mereka telah melakukan pilihan untuk menjual dan atau membeli

*Khiyar* seperti ini hanya berlaku dalam suatu transaksi yang bersifat mengikat kedua belah pihak yang melaksanakan transaksi, seperti jual beli dan sewa menyewa. Dasar hukum adanya *khiyar majlis* ini adalah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi Saw. bersabda: bila dua orang berjual beli, masing-masing boleh khiyar (jadi atau tidaknya jual beli), selama keduanya belum bercerai dari tempat akad*”. (H.R. Bukhari dan Muslim).

*Khiyar majlis* artinya antara penjual dan pembeli boleh memilih sama ada akan melanjutkan jual beli atau membatalkannya. Selama keduanya masih dalam satu tempat (majlis), hal ini sesuai dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Dari Ibnu Umar ra. dari Rasulullah SAW, bahawa beliau bersabda;*

*“Apabila ada dua orang melakukan transaksi jual beli, maka masing-masing dari mereka (mempunyai) hak khiyar, selama mereka belum berpisah dan mereka masih berkumpul atau salah satu pihak memberikan hak khiyarnya kepada pihak yang lain. Namun jika salah satu pihak memberikan hak khiyar kepada yang lain lalu terjadi jual beli, maka jadilah jual beli itu, dan jika mereka telah berpisah sesudah terjadi jual beli itu, sedang salah seorang di antara mereka tidak (meninggalkan) jual belinya, maka jual beli telah terjadi (juga).”* (HR. Bukhari dan Muslim).

*Khiyar majlis* dapat difahami sebagai hak pemilihan pihak berakad ketika berada di majlis akad. Sekiranya salah satu pihak menggugurkan hak pemilihan, maka pihak lain masih berhak membuat pilihan untuk meneruskan atau membubarkan akad selagi kedua-dua pihak belum meninggalkan majlis akad. <sup>9</sup>Dalam hal ini, akad itu berkuatkuasa setelah tamatnya majlis akad dengan cara kedua-dua pihak yang berakad itu sama ada telah berpisah (al-tafarruq) atau telah membuat *khiyar* (al-takhyir/altakhayur).

---

<sup>8</sup> al-Suyuti, Jalaluddin Abd Rahman. (1983). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

<sup>9</sup> Pambekti, G.T (2017). Tinjauan Hukum Islam Terhadap Pelaksanaan Khiyar Pada Jual Beli On-Line Di Indonesia. *Jurnal Akses*, Vol 12(4), 64-94

Syeikh Daud menumpukan perbincangan dalam *khiyar* majlis kepada spesifikasi majlis akad itu sendiri iaitu menerangkan identifikasi konsep ‘berpisah’ (al-tafarruq) dalam majlis akad sebagaimana berikut:

1. Perbuatan ‘berpisah’ salah satu pihak yang berakad boleh menyebabkan *khiyar* itu batal sekalipun kerana jahil atau lupa. Namun, *khiyar* tidak batal apabila ada unsur-unsur paksaan dalam berpisah sekalipun mulutnya tidak ditutup.
2. <sup>10</sup>*Khiyar* boleh batal apabila salah seorangnya lari dan satu pihak lagi tidak mencarinya. Namun *khiyar* tidak batal sekiranya dia tidur, atau dalam *khiyar* majlis, sekiranya kedua-keduanya duduk bersama-sama beberapa hari sehingga mereka berpisah.

### **Khiyar Syarat**

<sup>11</sup>*Khiyar* syarat adalah si penjual atau si pembeli mengajukan suatu syarat, yang menguntungkan salah satu pihak selama tidak merosakkan barang yang diperjual belikan. Misalnya, pembeli mengajukan syarat dengan mengatakan “aku beli barang ini dari engkau dengan syarat aku boleh memilih antara meneruskan atau membatalkan akad selama tiga hari”

Dasar hukum adanya *khiyar* syarat adalah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud iaitu “*Dari Jabir r.a. bahwa ia pernah menjual seekor unta kepada Nabi Saw. dan disyaratkannya, supaya ia boleh menunggang unta itu pulang kerumahnya.*” (H.R. Bukhari dan Muslim).

Para ulama’ fiqh menyatakan bahwa *khiyar* asy-syarth ini dibolehkan dengan tujuan untuk memelihara hak-hak pembeli dari unsur penipuan yang mungkin terjadi dari pihak penjual. *khiyar* asy-syarth, menurut mereka hanya berlaku dalam transaksi yang bersifat mengikat kedua belah pihak, seperti jual beli, sewa menyewa, perserikatan dagang dan arrahn (jaminan utang). Dan tidak berlaku untuk transaksi yang tidak mengikat seperti hibah, pinjam meminjam, perwakilan (al-wakalah), wasiat, jual beli pesanan (bai’ as-salam) dan ash-sharf (valuta asing).

---

<sup>10</sup> Towpek, H. (2013). Konsep Khiyar Menurut Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam Furu ‘Al-Masa’il. *Jurnal Syariah*, 21(1), 43-62.

<sup>11</sup> Za, M. A. S. (2017). Hak Pilih (Khiyar) Dalam Transaksi Jual Beli Di Media Sosial Menurut Perspektif Hukum Islam. *Akademika*, 11(01).

<sup>12</sup>Yang di maksud dengan *khiyar syarat*, iaitu hak pilih yang ditetapkan bagi salah satu pihak yang berakad atau keduanya atau bagi orang lain untuk meneruskan atau membatalkan jual beli, selama masih dalam tenggang waktu yang ditentukan. Waktu yang diperlukan untuk mempertimbangkan apakah akan meneruskan atau membatalkan akad jual beli tersebut adalah selama tiga hari, kecuali disepakati lain dalam akad. Dan apabila masa *Khiyar* telah lewat, sedangkan para pihak yang mempunyai hak *khiyar* tidak menyatakan membatalkan atau melanjutkan akad jual beli, akad jual beli berlaku secara sempurna. Misalkan, pembeli mengatakan “saya beli barang ini dari engkau dengan syarat saya berhak memilih antara meneruskan atau membatalkan akad selama seminggu”.

<sup>13</sup>*Khiyar asy syarth* merupakan hak yang disyaratkan oleh satu atau kedua belah pihak untuk membatalkan suatu kontrak yang telah diikat. Misalnya, pembeli mengatakan kepada penjual “saya beli barang ini dari anda, tapi saya punya hak untuk mengembalikan barang ini dalam tiga hari”. Begitu periode yang disyaratkan berakhir, maka hak untuk membatalkan yang ditimbulkan oleh syarat ini tidak berlaku lagi. Sebagai akibat dari hak ini, maka kontrak yang pada awalnya bersifat mengikat menjadi tidak mengikat. Hak untuk member syarat jual beli ini membolehkan suatu pihak untuk menunda eksekusi kontrak itu.

## **Khiyar Aib**

*Khiyar aib* termasuk dalam jenis *khiyar naqishah* (berkurangnya nilai penawaran barang). *Khiyar aib* berhubungan dengan ketiadaan kriteria yang diduga sebelumnya. *Khiyar aib* merupakan hak pembatalan jual beli dan pengembalian barang akibat adanya cacat dalam suatu barang yang belum diketahui, baik aib itu ada pada waktu transaksi atau baru terlihat setelah transaksi selesai disepakati sebelum serah terima barang. Yang mengakibatkan terjadinya *khiyar* disini adalah aib yang mengakibatkan berkurangnya harga dan nilai bagi para pedagang dan orang-orang yang ahli dibidangnya. Menurut ijmak Ulama, pengembalian barang kerana cacat boleh dilakukan pada waktu akad berlangsung, sebagaimana yang diterangkan dalam suatu hadis, yaitu hadis Uqbah bin Amir r.a, dia berkata, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda seperti terjemahan berikut; “*Dari Uqbah Ibnu Amir Al-Juhani ia berkata: saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Seorang muslim adalah saudaranya muslim lainnya, tidak halal bagi seorang muslim apabila menjual barang jualannya kepada muslim lain yang didalamnya ada cacat, melainkan ia harus menjelaskan (aib atau cacatnya) itu kepadanya*”. (HR. Hakim dari Uqbah Ibnu Amir).

---

<sup>12</sup> Sari, S. (2018). *Implementasi Khiyar Syarat Dalam Jual Beli Di Pasar Sangkumpul Bonang Padangsidimpun Ditinjau Dari Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah* (Doctoral Dissertation, Iain Padangsidimpun).

<sup>13</sup> Hasanah, D., Kosim, M., & Arif, S. (2019). Konsep *Khiyar* pada Jual Beli Pre Order Online Shop dalam Perspektif Hukum Islam. *IQTISHODUNA: Jurnal Ekonomi Islam*, 8(2), 249-260.

<sup>14</sup>Yang dimaksud dengan *khiyar aib* adalah hak untuk membatalkan atau meneruskan akad bila mana ditemukan aib (cacat), sedang pembeli tidak tahu tentang hal itu pada saat akad berlangsung. Persoalan ini muncul saat barang yang ditransaksikan itu cacat atau alat penukarnya berkurang nilainya dan itu tidak diketahui oleh pembeli. Ketetapan adanya *khiyar* ini dapat diketahui secara terang-terangan atau secara implisit. Dalam setiap transaksi, pihak yang terlibat secara implisit menghendaki agar barang dan penukarnya bebas dari cacat. Hal ini masuk akal karena pertukaran itu harus dilangsungkan secara suka sama suka dan ini hanya mungkin jika barang dan penukarnya tidak mengandung cacat. *Khiyar* ini berlaku pada transaksi-transaksi pada akad lazim yang mengandung kemungkinan untuk dibatalkan seperti akad jual beli, ijarah dan lain-lain.

<sup>15</sup>Dimyauddin Djuwaini mengatakan bahwa *khiyar aib* boleh dijalankan dengan syarat sebagai berikut:

1. Cacat sudah ada ketika atau setelah akad dilakukan sebelum terjadi serah terima, jika aib muncul setelah serah terima maka tidak ada *khiyar*.
2. Aib tetap melekat pada objek setelah diterima oleh pembeli.
3. Pembeli tidak mengetahui adanya aib atas objek transaksi, baik ketika melakukan akad atau setelah menerima barang. Jika pembeli mengetahui sebelumnya, maka tidak ada *khiyar* karena itu berarti telah meredhainya.
4. Tidak ada persyaratan baraaah (cuci tangan) dari aib dalam kontrak jual beli, jika dipersyaratkan, maka hak *khiyar* akan gugur.
5. Aib masih tetap sebelum terjadinya pembatalan akad.

## **Khiyar Ruqyah**

*Khiyar Ruqyah* adalah hak pembeli untuk membatalkan akad atau tetap melangsungkannya ketika melihat objek akad dengan syarat ia belum melihatnya ketika berlangsung akad atau sebelumnya ia pernah melihatnya dalam batas waktu yang memungkinkan telah jadi batas perubahan atasnya. Konsep *khiyar* ini disampaikan oleh fuqoha Hanafiyah, Malikiyah, Hanabilah dan Dhahiriyah dalam kes jual beli benda yang ghaib (tidak ada ditempat) atau benda yang belum pernah diperiksa. Sedangkan menurut Imam Syafie *khiyar ruqyah* ini tidak sah dalam proses jual beli karena menurutnya jual beli terhadap barang yang ghaib (tidak ada ditempat) sejak semula dianggap tidak sah.

Syarat *Khiyar Ruqyah* bagi yang membolehkannya antara lain:

---

<sup>14</sup> Syihab, F. (2016). The Doctrine of *Khiyar al-Ayb* in Protecting the Customer's Rights. *Akademika: Jurnal Keagamaan dan Pendidikan*, 12(1), 75-88.

<sup>15</sup> Masruri, N. T. (2014). *Pandangan hukum Islam terhadap pelaksanaan khiyar dan garansi pada produk elektronik (studi kasus di service center Lenovo, Semarang)* (Doctoral dissertation, UIN Walisongo).

1. Barang yang akan ditransaksikan berupa barang yang secara fizikal ada dan dapat dilihat berupa harta tetap atau harta bergerak.
2. Barang dagangan yang ditransaksikan dapat dibatalkan dengan mengembalikan saat transaksi.
3. Tidak melihat barang dagangan ketika terjadi transaksi atau sebelumnya, sedangkan barang dagangan tersebut tidak berubah.

### **Pendekatan *Khiyar* dalam Pembelian Atas Talian (Online Shopping)**

<sup>16</sup>Kehidupan manusia dikategorikan kepada dua bidang utama iaitu *ibadah* dan *muamalat*. Kajian ini memfokuskan bidang *muamalat* dalam kehidupan manusia. *Muamalat* secara umumnya adalah aktiviti manusia secara duniawi seperti aspek politik, ekonomi, sosial, kekeluargaan, perundangan, dan jenayah kerana tidak termasuk di dalam bidang *ibadah* khusus. <sup>17</sup>Ledakan perkembangan teknologi maklumat seperti e-niaga, e-dagang, e-pembelajaran dan lain-lain transaksi mahupun interaksi secara dunia maya telah mempengaruhi dunia dan mengubah gaya hidup manusia. Maka dalam islam adanya *Khiyar* untuk mempermudah pembeli dan penjual, Agar kedua belah pihak menguntungkan satu sama lain. Kajian in memperlihatkan korelasi diantara pendekatan *Khiyar* dengan pembelian atas talian (online shopping). Terdapat beberapa aplikasi telah dikaji untuk memperlihatkan korelasi ini seperti Jadual 1: Senarai Aplikasi Pembelian atas Talian (Online Shopping) dibawah.

Jadual 1: Senarai Aplikasi Pembelian atas Talian (Online Shopping)

Bil	Nama Aplikasi Pembelian atas Talian (Online Shopping)
1.	Shopee.com
2.	Lazada.com
3.	Lelong.com
4.	Mudah.my

### ***Khiyar Majlis* dalam Aplikasi Pembelian atas Talian**

*Khiyar majlis* dapat difahami sebagai hak pemilihan pihak berakad ketika berada di majlis akad. Sekiranya salah satu pihak menggugurkan hak pemilihan, maka pihak lain masih berhak membuat

---

<sup>16</sup> Wahab, N. A., Khairuldin, W. M. K. F. W., & Ismail, M. S. (2019). Fiqh Muamalat Islam: Hukum Dalam Sistem Jual Beli Atas Talian (E-Dagang) Dari Sudut Pandangan Fuqaha [Islamic Muamalat Of Fiqh: Legal System In Selling Online (E-Commerce) From The Fuqaha Islamic View]. *Al-Qiyam International Social Science And Humanities Journal*, 2(1), 24-35.

<sup>17</sup> Hariri, H. (2019). Implementasi *Khiyar* Dalam Jual Beli Di Era Kontemporer (Studi Di Pasar Plaza Labuanpandeglang) (Doctoral Dissertation, Universitas Islam Negeri Serang Banten).

pilihan untuk meneruskan atau membubarkan akad selagi kedua-dua pihak belum meninggalkan majlis akad. Berikut merupakan elemen-elemen *Khiyar Majlis* seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Elemen *Khiyar Majlis*

Elemen <i>Khiyar Majlis</i>	Status	
	Batal	Sah
Perbuatan ‘berpisah’ salah satu pihak.	√	
Terdapat unsur-unsur paksaan dalam berpisah.		√
Perbuatan ‘lari’ dan satu pihak lagi tidak mencarinya.	√	
Duduk bersama-sama beberapa hari sehingga berpisah.		√

Berdasarkan Jadual 2 diatas, elemen-elemen tersebut dapat dilihat dan telah diadaptasikan di dalam aplikasi-aplikasi pembelian atas talian (online shopping).

Jadual 3: Elemen *Khiyar Majlis* dalam Aplikasi Pembelian atas Talian

Nama Aplikasi	Status <i>Khiyar Majlis</i>	
	Ada	Tiada
Shopee	√	
Lazada	√	
Lelong	√	
Mudah		√

Berdasarkan Jadual 3 diatas, hanya 1 aplikasi sahaja yang tidak mempunyai elemen *khiyar majlis* iaitu aplikasi Mudah.my. Aktiviti muamalat dijalankan di luar aplikasi, dimana aplikasi ini berfungsi sebagai media penyampai maklumat atau pengiklanan sahaja. Manakala, aplikasi lain mempunyai fungsi “buy now” yang memenuhi syarat *khiyar majlis* menurut Jadual 2.

### ***Khiyar Syarat* dalam Pembelian Atas Talian (Online Shopping)**

Yang dimaksudkan dengan *khiyar syarat*, iaitu hak pilih yang ditetapkan bagi salah satu pihak yang berakad atau keduanya atau bagi orang lain untuk meneruskan atau membatalkan jual beli, selama masih dalam tempoh waktu yang ditentukan. Waktu yang diperlukan untuk mempertimbangkan apakah akan meneruskan atau membatalkan akad jual beli tersebut adalah selama tiga hari, kecuali disepakati dalam akad.

Jadual 4: Elemen Khiyar Syarat

Elemen <i>Khiyar Syarat</i>	Status	
	Batal	Sah
Penetapan syarat bagi salah satu atau kedua-dua pihak yang berakad.		√
Berhak meneruskan atau membatalkan jual beli dalam tempoh yang ditetapkan.		√
Tidak melakukan aktiviti muamalat dalam tempoh 3 hari tanpa persetujuan.	√	
Membatalkan pembelian selepas tempoh 3 hari atau seperti disepakati. yang	√	

Berdasarkan Jadual 4 diatas, elemen-elemen tersebut dapat dilihat dan telah diadaptasikan di dalam aplikasi-aplikasi pembelian atas talian (online shopping).

Jadual 5: Elemen Khiyar Syarat dalam Aplikasi Pembelian atas Talian

Nama Aplikasi	Status <i>Khiyar Syarat</i>	
	Ada	Tiada
Shopee	√	
Lazada	√	
Lelong		√
Mudah		√

Berdasarkan Jadual 5 diatas, terdapat 2 aplikasi yang tidak mempunyai elemen *khiyar syarat* iaitu aplikasi Lelong.com dan Mudah.my. Bagi aplikasi Lelong.com, pembeli tidak diberikan tempoh selama tiga hari atau sebarang tarikh untuk membatalkan pembelian. Manakala aplikasi Mudah.my menjalankan aktiviti muamalat di luar aplikasi. Selain daripada kedua-dua aplikasi yang dinyatakan, aplikasi lain mempunyai fungsi “cancel order” yang memenuhi *khiyar syarat* menurut Jadual 4.

### ***Khiyar Aib* dalam Pembelian Atas Talian (Online Shopping)**

*Khiyar aib* berhubungan dengan ketiadaan kriteria yang diduga sebelumnya. *Khiyar aib* merupakan hak pembatalan jual beli dan pengembalian barang akibat adanya cacat dalam suatu barang yang belum diketahui, baik aib itu ada pada waktu transaksi atau baru terlihat setelah transaksi selesai disepakati sebelum serah terima barang

Jadual 6: Elemen *Khiyar Aib*

Elemen <i>Khiyar Aib</i>	Status	
	Batal	Sah
Pengurangan harga semasa transaksi akibat kecacatan barang.		√
Pembatalan jual beli dan pengembalian barang akibat adanya cacat.		√
Pengekalan harga setelah kecacatan ditemui pada sesuatu barang.	√	
Menyekat hak pembeli untuk membatalkan pembelian.	√	

Berdasarkan Jadual 6 diatas, elemen-elemen tersebut dapat dilihat dan telah diadaptasikan di dalam aplikasi-aplikasi pembelian atas talian (online shopping) berikut.

Jadual 7: Elemen *Khiyar Aib* dalam Aplikasi Pembelian atas Talian

Nama Aplikasi	Status <i>Khiyar Aib</i>	
	Ada	Tiada
Shopee	√	
Lazada	√	
Lelong	√	
Mudah	√	

Berdasarkan Jadual 8 diatas, kesemua aplikasi mempunyai elemen *Khiyar Aib* dimana pembeli boleh menghubungi semula atau menggunakan fungsi “refund” bagi membatalkan pembelian setelah transaksi dijalankan.

### ***Khiyar Ruqyah* dalam Pembelian Atas Talian (Online Shopping)**

*Khiyar Ruqyah* adalah hak pembeli untuk membatalkan akad atau tetap melangsungkannya ketika melihat objek akad dengan syarat ia belum melihatnya ketika berlangsung akad atau sebelumnya.

Jadual 8: Elemen *Khiyar Ruqyah*

Elemen <i>Khiyar Ruqyah</i>	Status
-----------------------------	--------

	Batal	Sah
Barang yang akan ditransaksikan berupa barang yang secara fizikal ada dan dapat dilihat berupa harta tetap atau harta bergerak.		√
Barang dagangan yang ditransaksikan dapat dibatalkan dengan mengembalikan saat transaksi.		√
Tidak melihat barang dagangan ketika terjadi transaksi atau sebelumnya, sedangkan barang dagangan tersebut tidak berubah.		√
Tidak melihat barang dagangan ketika terjadi transaksi atau sebelumnya, sedangkan barang dagangan tersebut berubah.	√	

Berdasarkan Jadual 9 diatas, elemen-elemen tersebut dapat dilihat dan telah diadaptasikan di dalam aplikasi-aplikasi pembelian atas talian (online shopping) berikut.

Jadual 9: Elemen *Khiyar Ruqyah* dalam Aplikasi Pembelian atas Talian

Nama Aplikasi	Status <i>Khiyar Ruqyah</i>	
	Ada	Tiada
Shopee		√
Lazada		√
Lelong		√
Mudah	√	

Berdasarkan Jadual 10 diatas, hanya Mudah.my sahaja mempunyai elemen *Khiyar Ruqyah*. Hal ini adalah disebabkan Mudah.my mempunyai sistem pengesahan maklumat yang sahih. Sebagai contoh, pembelian kereta terpakai dimana terdapat pelbagai kriteria yang perlu dipertimbangkan. Sistem yang digunapakai boleh mengesahkan maklumat yang diberi oleh penjual adalah benar. Justeru, Mudah.my dapat mengaplikasikan elemen *Khiyar Ruqyah* dengan baik.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kaedah perpustakaan, dimana ketersamaan implimentasi pendekatan *khiyar* dalam aplikasi tersebut secara praktisnya dapat dilihat berdasarkan hasil kajian yang diperolehi. Beberapa kertas kajian telah dianalisa dan diambil intipati berkenaan elemen *khiyar* dan digunapakai ke atas aplikasi pembelian atas talian seperti yang dinyatakan. Berdasarkan elemen-elemen yang diperolehi, aplikasi **Shopee.com** dan **Lazada.com** memenuhi tiga daripada empat jenis *khiyar* yang dinyatakan. Manakala aplikasi **Lelong.com** memenuhi dua daripada empat. Dan akhir sekali, aplikasi **Mudah.my** memenuhi satu daripada empat jenis *khiyar* tersebut. Walau bagaimanapun,

kesemua empat jenis *khiyar* dapat dilihat wujud didalam aplikasi pembelian online yang dinyatakan. Pendekatan *khiyar* dalam aplikasi pembelian atas talian adalah selari dengan konsep muamalat berdasarkan sunnah nabawiyah. Hal ini dapat memberikan impak positif kepada pembeli dan penjual kerana dapat membela hak kedua-dua pihak supaya dapat melakukan transaksi dengan lebih adil, telus, bermanfaat, diyakini, dan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Adalah dapat disimpulkan bahawa pendekatan *khiyar* dalam pembelian atas talian mampu menjadikan aplikasi yang dinyatakan menjadi lebih baik dan digunapakai oleh masyarakat supaya aktiviti muamalat yang dijalankan memberi nilai yang positif kepada penggunaanya. Justeru, adalah diharapkan kertas kajian ini mampu memberikan manfaat dan pemahaman yang lebih jelas tentang Pendekatan *Khiyar* Dalam Pembelian Atas Talian (*Online Shopping*).

## RUJUKAN

- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd Rahman. (1983). *Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir*. Beirut: Dar Al-Kutub Al- 'Ilmiyyah.
- Hariri, H. (2019). *Implementasi Khiyar Dalam Jual Beli Di Era Kontemporer (Studi Di Pasar Plaza Labuanpandeglang)*. Doctoral Dissertation, Universitas Islam Negeri Serang Banten).
- Hasanah, D., Kosim, M., & Arif, S. (2019). *Konsep Khiyar Pada Jual Beli Pre Order Online Shop Dalam Perspektif Hukum Islam*. Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam, 8(2), 249-260.
- Hasnah Mat, & Mazreha Ya'akub (2019). *E-Commerce: The Contribution To Malaysia's Economy*. Retrieved From [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7\\_Publication/Technical\\_Paper/Paper\\_Apes/2019/2.%20e-Commerce%20the%20contribution%20to%20the%20malaysia's%20economy.Pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Technical_Paper/Paper_Apes/2019/2.%20e-Commerce%20the%20contribution%20to%20the%20malaysia's%20economy.Pdf)
- J. Muller (2020). *Top 10 E-Commerce Sites In Malaysia As Of 4th Quarter 2019*. Google (Statista). Retrieved From <https://www.statista.com/statistics/869640/malaysia-top-10-e-commerce-sites>
- Jeremy Chew (2017). *5 Initiatives By The Malaysia Government That Is Spurring The Growth Of E-Commerce*. Google (E27). Retrieved From <https://e27.co/5-initiatives-malaysia-government-help-spur-growth-e-commerce-20171031>
- Khulwah, J. (2019). *Jual Beli Dropship Dalam Prespektif Hukum Islam*. Al-Mashlahah Jurnal Hukum Islam Dan Pranata Sosial, 7(01), 101-115.

- Kurniawanto, Eko & Rachim, Abd (2019). *Judul Penelitian Hukum Jual Beli Khiyar dalam Islam*. Jurnal Ekonomika: Manajemen, Akuntansi, dan Perbankan Syariah. 8.37. 10.24903/je.v8i2.764
- Masruri, N. T. (2014). *Pandangan Hukum Islam Terhadap Pelaksanaan Khiyar Dan Garansi Pada Produk Elektronik (Studi Kasus Di Service Center Lenovo, Semarang)* (Doctoral Dissertation, Uin Walisongo).
- Muthiah, Aulia (2018). *Perlindungan Konsumen Terhadap Produk Cacat Dalam Perspektif Fiqih Jual Beli*. Syariah: Jurnal Hukum dan Pemikiran 18(2), 211-232
- Pambekti, G.T (2017). *Tinjauan Hukumislam Terhadap Pelaksanaan Khiyar Padajual Beli On-Line Di Indonesia*. Jurnal Akses, Vol 12(4), 64-94
- Sari, S. (2018). *Implementasi Khiyar Syarat Dalam Jual Beli Di Pasar Sangkumpal Bonang Padangsidimpuan Ditinjau Dari Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah* (Doctoral Dissertation, Iain Padangsidimpuan).
- Syihab, F. (2016). *The Doctrine Of Khiyar Al-Ayb In Protecting The Customer's Rights*. Akademika: Jurnal Keagamaan Dan Pendidikan, 12(1), 75-88.
- Towpek, H. (2013). *Konsep Khiyar Menurut Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam Furu 'Al-Masa'il*. Jurnal Syariah, 21(1), 43-62.
- Wahab, N. A., Khairuldin, W. M. K. F. W., & Ismail, M. S. (2019). *Fiqh Muamalat Islam: Hukum Dalam Sistem Jual Beli Atas Talian (E-Dagang) Dari Sudut Pandangan Fuqaha [Islamic Muamalat Of Fiqh: Legal System In Selling Online (E-Commerce) From The Fuqaha Islamic View]*. Al-Qiyam International Social Science And Humanities Journal, 2(1), 24-35.
- Za, M. A. S. (2017). *Hak Pilih (Khiyar) Dalam Transaksi Jual Beli Di Media Sosial Menurut Perspektif Hukum Islam*. Akademika, 11(01).